

- Konsultan Syariah, Teraga Biru Sdn. Bhd.
- Penulis buku Pengajaran Fiqh Ahlul-Bait
- Anggota Persatuan Ulama, Kedah
- Facebook.com: ustaz.fauwaz.fadzil

Salafiah Imam al-Ghazali

Ramai orang terkeliru terhadap hala tuju Imam al-Ghazali, adakah beliau bercanggah dengan ulama salaf atau selari. Maka ini menuntut kepada kita untuk menerangkan bahawa Imam al-Ghazali bukanlah ulama yang menyimpang daripada manhaj yang sah.

LATAR BELAKANG

Nama penuh beliau Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad al-Tusi al-Syafi'i al-Ghazali. Beliau dikenali dengan panggilan al-Ghazali. Dilahirkan pada 450H di Tus (sekarang berhampiran Meshed), sebuah kota kecil di Khurasan (Iran). Imam al-Ghazali meninggal pada tahun 505 Hijrah.

Keluarga al-Ghazali merupakan golongan sederhana, namun amat menitikberatkan pendidikan agama. Bahkan bapa beliau menyediakan dana khas sebelum meninggal dunia untuk pengajian beliau dan adik lelaki, Ahmad.

Semasa berada di bawah bimbingan guru sufi, al-Ghazali mula belajar menulis khat. Selain itu, beliau juga mempelajari al-Quran dan hadis. Kemudian al-Ghazali mendapat pendidikan tentang fiqh Syafi'i dan teologi Asya'irah di bawah bimbingan Ahmad ibn Muhammad al-Radzikani al-Tusi.

Sebelum berusia 15 tahun, beliau melanjutkan pengajian ke Jurjan, Mazardaran di bawah pimpinan Abu Nasr al-Isma'ili. Menjelang 20 tahun usianya, al-Ghazali berangkat ke Naisapur untuk belajar dengan Imam al-Haramain, Abu al-Ma'ali 'Abd al-Malik al-Juwaini. Di sini, beliau mendalami bidang fiqh dan usul fiqh.

PUJIAN ULAMA

Ramai ulama memuji al-Ghazali, antaranya:

- "Imam al-Ghazali dalam kalangan orang yang paling bijak di dunia pada setiap apa yang dia bicarakan." -Ibn Kathir




FOTO: ZULFADI ZAKI

- "Al-Ghazali ialah *hujjah al-Islam*, orang yang ajaib, penulis buku yang banyak, mempunyai kebijaksanaan yang tinggi." -Imam al-Zahabi
- "Sesiapa yang membaca kitab *al-Mustasfa* dengan teliti, maka dia akan dapati bahawa Imam al-Ghazali telah mencapai tahap ijtihad dalam ilmu usul bahkan kemuncak ijtihad." -Muhammad Sulaiman al-Ashqar

KARYA

Al-Ghazali cendekiawan dan ulama prolific. Karya beliau merentasi pelbagai bidang dan disiplin ilmu, antaranya:

1) **TEOLOGI DAN FILSAFAT.**

- Maqasid al-Falasifah* (Tujuan Para Ahli Falsafah).
- Tahafut al-Falasifah* (Kerancuan Para Ahli Falsafah).
- Al-Iqtisad fi al-'Itiqad* (Kesederhanaan dalam Keyakinan).
- Ijlam al-'Awwam 'an 'Ilmi al-Kalam* (Membentengi Orang Awam daripada Ilmu Kalam).

Suatu perkara yang perlu difahami orang ramai ialah salaf bukan sahaja melibatkan akidah tetapi merangkumi kehidupan dan akhlak.

2) **MANTIQ.**

- Al-Qistas al-Mustaqim* (Neraca yang Lurus).
- Mi'yar al-'Ilm* (Ukuran Pengetahuan).
- Mihaq al-Nazr fi al-Mantiq* (Batu Asah Pemikiran Logis).
- Mizan al-'Amal* (Neraca Perbuatan).

3) **FIQAH DAN USUL FIQH.**

- Al-Basit* (Pembahasan yang Mendalam).
- Syifa' al-'Alil fi al-Qiyas wa al-Ta'wil* (Terapi yang Tepat untuk Qiyas dan Ta'wil).
- Al-Mustasfa min 'Ilmi al-Usul* (Intisari Ilmu tentang Asas-asas Ilmu Usul Fiqh).

4) **POLITIK.**

- Nasihah al-Muluk* (Nasihat bagi Para Penguasa).

5) **AL-QURAN DAN TA'WILNYA.**

- Jawahir al-Quran wa Duraruh* (Permata-permata al-Quran dan mutiara-mutiarnya).
- Qanun al-Ta'wil* (Aturan Pentakwilan).

6) **TASAWUF.**

- Ihya' 'Ulum al-Din* (Menghidupkan Kembali Ilmu-ilmu Agama).
- Kimiya al-Sa'adah* (Kimia Kebahagiaan).
- Al-Adab fi al-Din* (Etika Beragama).
- Bidayah al-Hidayah* (Permulaan Petunjuk).

PENDEKATAN SALAF IMAM AL-GHAZALI

Untuk membuktikan sifat salaf Imam al-Ghazali, dalam kitab *Ijlam al-awam* beliau menyebut bahawa akidah yang selamat untuk orang awam ialah akidah salaf iaitu mazhab para sahabat dan tabiin.

"Sesungguhnya yang sampai kepadanya hadis (berkaitan akidah) daripada kalangan orang awam maka diwajibkan ke atasnya beberapa perkara; *al-taqdis*, *al-tasdiq*, *al-iktiraf bil 'ajzi*, *al-tukut*, *al-imsak*, *al-khaffu* dan *al-taslim li ahlihi*."

PENGERTIAN SALAF TIDAK TERBATAS KEPADA AKIDAH

Suatu perkara yang perlu difahami orang ramai ialah salaf bukan sahaja melibatkan akidah tetapi merangkumi kehidupan dan akhlak. Maka Imam al-Ghazali dilihat sebagai pewaris salaf daripada sudut akhlak. Hal ini kerana beliau mendalami dan menulis tentang isu akhlak sehingga terkenal sebagai ulama akhlak.

Bahkan Imam al-Syatibi dalam kitab *al-Muwafaqat* menyatakan bahawa Imam al-Ghazali ialah ulama yang mengambil berat tentang amalan para salaf mengenai akhlak. Penyaksian Imam al-Syatibi sudah cukup untuk kita mengakui sumbangan Imam al-Ghazali dalam bidang akhlak yang selari dengan ulama salaf.

PENYAMBUNG RISALAH SALAF

Setelah kita menjelajah sedikit daripada pemikiran Imam al-Ghazali, bolehlah kita menyatakan bahawa Imam al-Ghazali ialah penyambung legasi salaf. Walaupun mungkin terdapat perkara yang tidak dibawa oleh ulama salaf tetapi bukanlah suatu bidaah dalam agama tetapi merupakan pendekatan yang sesuai dengan zamannya tanpa berlaku perbezaan antara al-Ghazali dengan ulama salaf pada matlamat mereka membersihkan Allah daripada sifat makhluk dan matlamat mengenal dan mencintai Allah. ☺